

'Ulasan Kuan Yew pendapat peribadi'

BH - 2/7/2007

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Mohd Roji Abdullah

KLUANG: Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menganggap kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew, kelmarin yang menyatakan Umno Johor tidak mengalu-alukan kehadiran pelabur dari negara itu dalam projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), sebagai satu pandangan peribadi.

Beliau berkata, Kuan Yew mungkin tidak dapat melupakan sejarah lampau sehingga beliau cuba menghalang penyertaan pelabur Singapura di WPI.

"Itu kenyataan peribadi beliau (Kuan Yew) dan saya berasa ia sama sekali tidak menjejaskan pendirian pelabur Singapura yang sudah dirancang untuk turut serta di WPI.

"Terpulang jika mereka (pelabur) hendak mendengar nasihat Kuan Yew, tetapi jika pelabur dari negara

"Itu kenyataan peribadi Kuan Yew dan saya berasa ia sama sekali tidak menjejaskan pendirian pelabur Singapura"

Hishammuddin Hussein
Ketua Pemuda Umno

lain datang lebih awal kerana ketika ini ramai pelabur, termasuk dari China dan Timur Tengah turut berminat, pelabur Singapura pula berasa rugi, jangan salahkan kerajaan kita... salahkan Kuan Yew," katanya selepas menghadiri perasmian Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Sembrong oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob di Dewan Kejora, di sini, semalam.

Kelmarin, *Berita Harian* Singapura melaporkan Kuan Yew memberi amaran kepada pelabur dari negara itu yang ingin melabur di WPI bahawa mereka tidak akan mendapat layanan istimewa seperti pelabur Hong Kong di Shenzhen, China, kerana Umno Johor tidak mengalu-alukan kehadiran mereka.


Hishammuddin berkata, beliau yakin dalam keadaan ekonomi dunia yang kondusif dan apa disebut Kuan Yew itu tidak akan menjejaskan penyertaan pelabur Singapura di WPI.

"Dia nak kata apapun, tidak akan dapat menyekat mereka melabur di WPI kerana mereka tahu ia pelaburan menguntungkan," katanya.

Katanya lagi, selain membantu WPI dapat dilaksanakan dengan lancar, Pemuda Umno juga memastikan kepentingan penduduk tempatan di selatan Johor itu terbela.

Di **KUALA LUMPUR**; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan memberi peluang sama rata kepada pelabur asing yang berminat menyertai pembangunan di WPI.

"WPI di Selatan Johor, terbuka untuk semua pelabur asing dan kera-



UNTUK KEMUDAHAN: Hishammuddin dan Adnan melancarkan laman web Umno Bahagian Sembrong selepas menghadiri perasmian persidangan perwakilan bahagian itu di Dewan Kejora, di Kluang, semalam.

jaan tiada menetapkan keistimewaan atau sekatan kepada sesebuah negara, termasuk Singapura.

"Kerajaan mengiktiraf penyertaan pelabur asing untuk menggerakkan ekonomi negara dan sentiasa mengalu-alukan kemasukan mereka di WPI, yang akan menjadi gerbang pintu masuk utama di selatan Semenanjung," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kepong.

Syed Hamid yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, kerajaan tidak pernah menyekat kemasukan atau memberi layanan istimewa kepada pelabur asing dari sesebuah negara tertentu seperti didakwa Lee.

"Kita menyambut baik kehadiran pelabur dari mana-mana negara yang berminat menyertai WPI kerana mahu mempelbagaikan jenis pelaburan asing yang kita akui banyak menyumbang pembangunan ekonomi negara," katanya.